

Rujhan dilantik ganti Dr. Radin

KUALA LUMPUR 10 Feb. – Timbalan Ketua Pengarah (Sektor IPTA) Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Dr. Rujhan Mustafa dilantik sebagai Ketua Pengarah baru jabatan itu berkuatkuasa 1 Januari lalu hingga 31 Disember 2013.

Beliau menggantikan Datuk Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi yang dilantik menjadi Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kementerian Pengajian Tinggi dalam satu kenyataan hari ini memberitahu, Rujhan dilantik ke jawatan itu kerana mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengajian tinggi.

“Beliau pernah bertugas sebagai profesor dalam bidang ekonomi antarabangsa di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas),” jelas kenyataan itu.

Rujhan berkelulusan Doktor Falsafah (Ph.D) dan Ijazah Sarjana Ekonomi Antarabangsa dari Universiti Ritsumeikan, Jepun serta Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sastera dari Universiti Malaya (UM).

Sebelum menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah (Sektor IPTA), beliau merupakan Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik dari 2005 hingga 2009.